

11 DEC 1999

Razaleigh-Kabinet

KU LI YAKIN KABINET BARU DAPAT BANTU PM PIMPIN NEGARA

KOTA BAHARU, 11 Dis (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melantik barisan baru Kabinet yang mantap dan boleh membantunya untuk memimpin negara ini.

Beliau yang diura-urakan tetapi tidak dilantik sebagai Menteri, tetap berpuashati dengan barisan Kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri itu di Putrajaya semalam.

"Saya rasa dia (Dr Mahathir) telah mempunyai satu pasukan yang boleh membantunya untuk memimpin negara demi masa depan kita," katanya kepada pemberita sejurus tiba dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini, hari ini.

Beliau yakin anggota baru Kabinet itu boleh menunaikan mandat yang diberikan oleh rakyat pada pilihan raya umum ke-10 pada 29 November lepas.

Tengku Razaleigh juga menyambut baik pelantikan anggota Kabinet bukan dari kalangan ahli politik seperti bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Tan Sri Musa Mohamed sebagai Menteri Pendidikan.

Ditanya mengenai pemilihan bekas timbalan presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Datuk Rais Yatim menganggotai Kabinet, Tengku Razaleigh yang juga bekas Presiden S46 berkata Rais telah cukup kriteria dan boleh memainkan peranan untuk membantu Perdana Menteri.

Mengenai Kelantan di bawah PAS yang tidak mempunyai wakil dalam Kabinet, beliau berkata penjelasan telah diberikan oleh Perdana Menteri mengenai hal itu dan pihaknya menerima apa yang telah diputuskan oleh Perdana Menteri.

Razaleigh, anggota Parlimen Gua Musang iaitu kerusi tunggal yang dimenangi Barisan Nasional (BN) di Kelantan pada pilihan raya umum lepas, turut ditanya sama ada beliau ditawarkan untuk menganggotai Kabinet oleh Perdana Menteri sebelum ini.

"Tak adalah... mungkin saya tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Perdana Menteri," katanya.

Tengku Razaleigh berkata beliau berada dalam gerakan politik dari awal hingga sekarang bukan bertujuan untuk menjadi anggota pentadbiran.

Beliau juga berkata kerajaan PAS Kelantan mesti bertanggungjawab terhadap kuasa yang diberikan oleh rakyat kepada parti itu pada pilihan raya umum lepas.

Ditanya adakah usaha untuk memperbaiki prestasi Umno Kelantan akan dimulakan secepat mungkin, beliau berkata satu mesyuarat akan diadakan minggu depan dan bergantung kepada keputusan yang dicapai.

-- BERNAMA

BD PR